



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/97 Jld. 3 (4)
Tarikh : 3 Jun 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI) GRED N22 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 **Telah disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 **pada 31 Julai 2008 dan sebelum;**
- 2.3 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan PT(P/O) Gred N19 berubah ke tarikh 1 Ogos 2008 dan seterusnya;**
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) **tidak kurang 80%;**
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C** dan **Lampiran D** seperti disertakan. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang akan genap 13 tahun perkhidmatan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh iklan dikeluarkan **TIDAK DIGALAKKAN** untuk memohon.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 10.07.2020** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nor Shahniza binti Shahbudin)

5. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** **tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pengisian kekosongan jawatan PT(PO) Gred N22 ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Tuan Syed Zahrin bin Syed Abdul Rani - 03-8885 4943
zahrin.rani@jpa.gov.my
- ii. Puan Nur Hafizah binti Mahadi - 03-8885 4320
hafizah.mahadi@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my